

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 MAY 2016

Syor Tun M tubuh parti politik baharu

BH - 28/5/2016

→ Pilihan raya waktu terbaik
terjemah sokongan rakyat

Oleh S Anand Kumar
anand@bh.com.my

► Johor Bahru


Tun Dr Mahathir Mohamad disaran menubuhkan parti politik baharu jika bekas Perdana Menteri itu mahu berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri

Shahrir Samad, berkata jika sebelum ini Dr Mahathir mendakwa mendapat sokongan hampir 1.2 juta orang menerusi Deklarasi Rakyat, maka ini adalah waktu terbaik untuk menilai sama ada beliau benar-benar mendapat sokongan rakyat.

Suara rakyat penting

“Masyarakat pastinya ingin melihat sama ada Deklarasi Rakyat itu boleh diterjemahkan ketika pilihan raya diadakan. Oleh itu, Dr



Shahrir (tiga dari kiri) berbual dengan peserta selepas merasmikan Program Jom Belajar Koding anjuran Biro Profesional Muda Pemuda UMNO Pusat di UTM, semalam.



Masyarakat pasti ingin lihat sama ada Deklarasi Rakyat itu boleh diterjemahkan ketika pilihan raya diadakan”

Shahrir Samad,
Pengerusi BNBBC

Mahathir tidak perlu berkempen untuk pihak lain sebaliknya tubuh parti politik sendiri dan letak calon mereka.

“Mungkin Dr Mahathir boleh tubuhkan Parti Deklarasi Rakyat (PDR) dan meletakkan calon sendiri kerana dalam dunia politik suara rakyat adalah penting dan juga membuat keputusan, biar rakyat membuat pilihan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan

Program Jom Belajar Koding (JBK) anjuran Biro Profesional Muda Pemuda UMNO Pusat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Peluang BN tak terjejas

Kelmarin, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata kehadiran Dr Mahathir untuk membantu pembangkang pada PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak akan menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN).